



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development, Communications, Sport and the Arts



Community Bulletin

INDIAN OCEAN TERRITORIES

Bilangan: D13/2025

Tarikh: 04 Ogos 2025

Berkenaan: Penduduk Wilayah Lautan Hindi

Perkara: Maklum Balas Orang Ramai tentang Draf Dasar Kesusahan Air Wilayah Lautan Hindi

Jabatan Infrastruktur, Pengangkutan, Pembangunan Regional, Komunikasi, Sukan dan Seni ("jabatan ini") mahu mendengar pandangan anda tentang Dasar Kesusahan Kewangan yang dicadangkannya bagi perkhidmatan air di Wilayah Lautan Hindi.

Kerajaan Australia, melalui jabatan ini, menawarkan khidmat pembiayaan kepada agensi-agensi WA untuk menyampaikan perkhidmatan ke Pulau Christmas ("CI") dan Kepulauan Cocos (Keeling) ("CKI"), termasuk perkhidmatan air yang disediakan oleh Perbadanan Air.

Setelah dimuktamadkan nanti, dasar baharu ini akan menyokong pelanggan Perbadanan Air yang menghadapi kesusahan kewangan. Ini langkah penting yang bertujuan membantu penduduk yang menepati syarat, biasanya pemilik atau penyewa rumah, yang menghadapi masalah kewangan yang bukan berjangka pendek dan sukar membayar bil air.

Kami sedang meminta maklum balas pelanggan Perbadanan Air tentang draf dasar kami sebagai maklumat dan panduan tentang cara terbaik dasar ini dapat memenuhi keperluan komuniti.

Maklum balas anda boleh dikemukakan sepanjang tempoh dua minggu, iaitu dari 4 to 18 August 2025, dan kami galakkan pelanggan Perbadanan Air agar menyuarakan pendapat anda tentang dokumen penting ini.

Pautan ke dasar tersebut boleh didapati di sini: [Territories publication | Department of Infrastructure, Transport, Regional Development, Communications, Sport and the Arts](#)

Jawapan, maklum balas dan soalan boleh dihantarkan ke: IOTSDA@infrastructure.gov.au

Jabatan ini dikehendaki menggubal Dasar Kesusahan Kewangan di bawah undang-undang Western Australia sebagai langkah dalam proses yang diikuti sekarang untuk memajukan pelesenan air di IOT. Jabatan ini mesti memohon untuk menganggotai skim Ombudsman perkhidmatan air yang diluluskan, iaitu yang dikendalikan oleh Ombudsman Tenaga dan Air (Western Australia) Berhad. Semua peserta skim ini perlu menggunakan Dasar Kesusahan Kewangan yang diluluskan bagi perkhidmatan air. Dasar ini disediakan sebagai tambahan pada bantuan yang mungkin ada untuk pelanggan yang menghadapi kesusahan membayar yang berjangka pendek.

Keahlian jabatan ini dalam Ombudsman Tenaga dan Air bermaksud bahawa pelanggan Perbadanan Air di IOT akan mendapat bimbingan yang lebih banyak tentang proses-proses hutang perkhidmatan air yang melampaui tempoh, termasuk hutang yang melebihi 60 hari, di samping menyediakan saluran bebas supaya pelanggan dapat mengemukakan aduan tentang Perbadanan Air dan pengurusan bayaran yang sudah melampaui tempoh.

Mahu tahu lagi?

Laman web ERA: [Garis Panduan tentang Dasar Kesusahan Kewangan bagi Perkhidmatan Air](#)

ERA: [Kesusahan dan Bantuan Kewangan](#)

Contoh Dasar Kesusahan Air dan Elektrik yang Lain: [Contoh Dasar Kesusahan Kewangan Air](#)

Ombudsman Tenaga dan Air WA: [Ombudsman Tenaga dan Air WA](#)

Proses membuat aduan: [Proses Aduan Ombudsman](#)